

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penyimpan dan jumlah simpanan Tabung Haji sehingga kini dan nyatakan langkah Kerajaan bagi memberikan keutamaan kepada penyimpan yang berumur 60 tahun ke atas untuk menunaikan fardhu haji.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2019, bilangan pendeposit Lembaga Tabung Haji (**TH**) mencatatkan seramai 9.42 juta orang dengan jumlah dana pendeposit terkumpul berjumlah RM70.27 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **TH** tidak mempraktikkan pengagihan kuota haji mengikut peringkat umur bakal jemaah. Semua pendeposit tanpa mengira peringkat umur, boleh membuat pendaftaran haji dan akan dipilih untuk menunaikan fardhu haji apabila tiba giliran tahun yang diperuntukkan kepada mereka berdasarkan yang mendaftar dahulu akan didahulukan. Sistem terbuka ini telah diterima pakai oleh umum sejak 1993 lagi.

Namun, dalam keadaan-keadaan tertentu jika ada kekosongan disebabkan ada yang menolak tawaran, maka **TH** akan mempertimbangkan untuk memberi keutamaan kepada bakal haji mahram, termasuklah golongan warga emas yang melebihi umur 75 tahun dan ke atas menunaikan haji lebih awal. Namun, keutamaan diberikan kepada bakal haji yang belum pernah menunaikan fardhu haji serta mempunyai tahap kesihatan yang baik dan telah lulus pemeriksaan kesihatan. Sekian. Terima kasih.